

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT JANGKA BERSIHKAN 5000 KG JANAAN SISA SEMPENA PERAYAAN HARI KEBANGSAAN

MELAKA, 29 OGOS 2023 – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) akan menempatkan kira-kira 20 tenaga kerja bagi Operasi Pembersihan Awam sepanjang upacara perarakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Melaka 2023 pada 31 Ogos ini.

Menurut Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam Mohd Nordin, persediaan termasuk menempatkan pekerja pembersihan serta 30 unit tong sampah beroda (TSB) di lokasi perarakan iaitu bermula dari Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Bandar Hilir dan sehingga ke lokasi perarakan berakhir iaitu di Stadium Hang Tuah.

“Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan tidak menghalang laluan orang ramai, pihak SWM Environment akan menggerakkan jentera pembersihan seperti lori kompaktor dan motosikal tiga roda (side-car) pada awal pagi di sepanjang laluan perarakan sekitar Bandar Hilir dan Jalan Hang Tuah bagi memastikan ianya dibersihkan lebih awal sebelum perarakan yang dijadualkan bermula pada jam 8 pagi.

“Pihak SWM Environment juga menjangka sebanyak 5000 kg janaan sisa akan dibersihkan sempena acara ini. Kami akan terus komited untuk menyediakan perkhidmatan pembersihan awam sebagai tanda sokongan terhadap penganjuran pelbagai acara-acara di negeri Melaka termasuklah Hari Kebangsaan di negeri Melaka yang diadakan pada setiap tahun,” katanya.

SWM Environment juga turut terlibat dalam memberikan perkhidmatan pembersihan awam sepanjang acara raptai pertama pada 28 Ogos serta raptai penuh pada 29 Ogos dengan menempatkan Petugas Pembersihan serta tong-tong TSB di lokasi-lokasi terlibat.

Beberapa laluan yang terlibat sempena perarakan Hari Kebangsaan pada tahun ini iaitu Jalan Kota, Jalan Bendahara (Little India), Jalan Munshi Abdullah dan Jalan Hang Tuah akan ditutup kepada kenderaan awam pada 31 Ogos ini bermula jam 12 tengah malam hingga 1 petang.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam boleh menghubungi Talian Indahkan Malaysia di 1-800-88-7472 atau Talian WhatsApp SWM Environment di 012-618 0082.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com